



JURNAL LINGUISTIK Vol. 26 (2) November 2022 (080-091)

Penguasaan Peraturan Tatabudaya Melayu dalam Komunikasi Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

¹Maslida Yusof, ²Karim Harun, ³Muhammad Azlan Mis, ⁴Sharifah Raihan Syed Jaafar
& ⁵Rusmadi Baharuddin

¹maslida@ukm.edu.my, ²linguist@ukm.edu.my, ³whg5026@ukm.edu.my, ⁴s_raihan@ukm.edu.my,
⁵rusmadi@dbp.gov.my

^{1,2,3,4} Universiti Kebangsaan Malaysia

⁵Dewan Bahasa dan Pustaka

Tarikh terima : 12 Oktober 2022
Received
Terima untuk diterbitkan : 22 November 2022
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2022
Published online

Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk menilai sejauh mana penguasaan peraturan tatabudaya berbahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa UKM ketika berkomunikasi. Peraturan tatabudaya yang diteliti merangkumi penggunaan kata ganti nama dan kata panggilan yang bersesuaian dengan taraf sosial orang yang berkomunikasi. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui pengedaran soal selidik kepada sejumlah sampel pelajar UKM yang merangkumi jantina, bangsa dan bidang pengajian. Seramai 168 responden yang mewakili mahasiswa daripada gugusan bidang gugusan Sains (Fakulti Sains dan teknologi), Gugusan sastera (Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Pengajian Islam dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan), Gugusan Ikhtisas (Kejuruteraan dan Alam Bina, Fakulti Pendidikan, Fakulti Teknologi Sains Maklumat dan Fakulti Undang-Undang) dan gugusan Kesihatan (Fakulti Farmasi, Fakulti Pergigian, Fakulti Sains Kesihatan dan Fakulti Perubatan) telah menjawab soal selidik yang diedarkan secara dalam talian. Kajian ini mendapati mahasiswa UKM menguasai situasi penggunaan peraturan tatabudaya dalam komunikasi. Mereka berkemahiran untuk memilih kata ganti nama dan kata panggilan yang sesuai mengikut konteks komunikasi. Sehubungan dengan itu, usaha pemartabatan bahasa Melayu seharusnya bukan sahaja menitikberatkan penggunaan bahasa yang baik dan tepat tetapi juga harus juga memberi perhatian kepada aspek penggunaan peraturan tatabudaya berbahasa yang sesuai dengan situasi pertuturan.

Kata kunci: Peraturan tatabudaya, mahasiswa UKM, pemartabatan Bahasa Melayu, komunikasi

The Mastery of Malay Cultural Rules in Student Communication at the National University of Malaysia (UKM)

Abstract

This paper aims to assess the extent to which UKM students master in Malay cultural rules when communicating. Cultural rules include the use of pronouns and calls that are appropriate to the social status of the person communicating. This study uses a quantitative method through the distribution of questionnaires to a sample of UKM students that includes gender, race and field of study. A total of 168 respondents representing students from

the Science Cluster (Faculty of Science and Technology), Arts Cluster (Faculty of Economics and Management, Faculty of Islamic Studies and Faculty of Social Sciences and Humanities), Profesional Cluster (Engineering and the Built Environment, Faculty of Education, Faculty of Information Science and Technology Faculty of Law) and Health cluster (Faculty of Pharmacy, Faculty of Dentistry, Faculty of Health Sciences and Faculty of Medicine). This study found that UKM students mastered the situation of using cultural rules in communication. They are skilled in choosing appropriate pronouns and addresses according to the context of communication. In relation to that, the effort to dignify the Malay language should not only focus on the use of good and accurate language but should also pay attention to the aspect of using language cultural rules that are appropriate to the speech situation.

Keywords: Cultural rules, UKM students, dignity of the Malay language, communication

1. Pendahuluan

Bahasa Melayu telah termaktub dalam Perkara 152, Fasal 1(a) dan Fasal 3 Perlembagaan Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Berdasarkan matlamat Dasar Pendidikan yang ditetapkan bahawa bahasa kebangsaan menjadi bahasa pengantar sepenuhnya dalam sistem pendidikan tanpa menafikan kepentingan bahasa yang lain. bahasa Melayu ialah bahasa rasmi, bahasa pengantar utama, bahasa perpaduan, dan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari pada peringkat sekolah menengah. Namun apabila pelajar memasuki Institusi Pengajian Tinggi (IPT), mereka tidak lagi diwajibkan untuk mengikuti kursus bahasa Melayu. Justeru pembelajaran bahasa Melayu mereka terhenti setelah tamat alam persekolahan. Agenda pemartabatan bahasa Melayu seharusnya tidak terhenti pada peringkat sekolah.

Universiti juga harus berperanan untuk meneruskan usaha pemartabatan bahasa Melayu pada kedudukan yang sewajarnya. Awang Sariyan (2019) menegaskan bahawa Universiti di negara ini perlu memartabatkan bahasa Melayu dalam aspek pengajaran dan pembelajaran bagi menjamin bahasa kebangsaan itu tidak terpinggir susulan perubahan zaman (<https://www.sinarharian.com.my/article/57471/BERITA/Nasional/Martabatkan-Bahasa-Melayu-di-universiti-Awang-Sariyan>). Tambah beliau lagi, bahasa Melayu akan berhadapan cabaran besar jika universiti selaku gedung ilmu tidak menghargai peranan besar bahasa itu dalam memberi nilai ilmu kepada masyarakat. Usaha pemartabatan bahasa Melayu tidak bermaksud menolak tentang kepentingan bahasa-bahasa lain termasuk bahasa Inggeris, namun bahasa Melayu perlulah diletakkan pada kedudukannya selaras dengan Perlembagaan negara serta sebagai satu jati diri bangsa Malaysia. Justeru, usaha Kementerian Pendidikan Tinggi untuk penjenamaan semula Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pengajian Tinggi (2011-2015) kepada Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di Universiti Awam (2016-2020) merupakan satu usaha dinamik dan seharusnya dipandang serius serta dilaksanakan dengan lebih tegas di semua IPT dan bukan sekadar di institusi awam. Dalam konteks ini, usaha memartabatkan bahasa Melayu melalui pendidikan perlu dilanjutkan pada peringkat universiti agar penguasaan dan pengetahuan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar dapat dimantapkan. Hal ini perlu kerana sungguhpun, pelajar telah mempelajari bahasa Melayu dari sekolah rendah sehingga sekolah menengah, namun penguasaan pelajar dalam bahasa Melayu masih kerap diperdebatkan khususnya dari segi mutu bahasa yang digunakan yang antaranya berlaku kesalahan tatabahasa dan percampuran ragam bahasa basahan sehingga bahasa Melayu kehilangan darjat dan citra sebagai bahasa budaya tinggi. Dalam hal ini, Awang Sariyan (2010) ada mengatakan bahawa, walaupun pada peringkat SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) mendapat keputusan 1A, namun tidak menjamin pelajar mampu untuk menguasai sistem bahasa yang memuaskan. Bahkan, boleh berlaku kesilapan ketika bercakap dan menulis dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi yang betul. Isu penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu standard yang masih belum memuaskan merupakan antara cabaran utama yang dinyatakan dalam Pelan-Hala-Tuju-Pendidikan-Bahasa-Melayu-2016-2025. Hal ini dapat dilihat melalui pencapaian bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia yang masih jauh daripada

sasaran dan belum mencapai tahap kecekapan berbahasa (Pelan Tindakan Hala-Tuju-Pendidikan-Bahasa-Melayu-2016-2025).

Isu atau masalah pelajar yang tidak cekap berbahasa Melayu ini berlanjutan sehingga ke tahap universiti. Kesannya ialah pelajar/mahasiswa akan terus dibelenggu dengan masalah untuk berkomunikasi lisan dan tulisan yang baik dan berkesan. Pada peringkat IPTA/universiti, keperluan pelajar untuk terus mempelajari bahasa Melayu amat penting khususnya penekanan terhadap keterampilan berbahasa yang baik dan sopan. Hal ini dikatakan demikian kerana kurikulum di sekolah hanya merangkumi penggunaan bahasa yang menekankan kemahiran bahasa serta berteraskan bahasa Melayu baku. Menurut Nik Safiah Karim Nik Safiah (2013) dalam Siti Nor Azhani Mohd Tohar et al. (2017), dewasa ini, kelihatan penutur bahasa Melayu hanya dapat mencapai bahasa yang baik, iaitu walaupun sebutan dan ayat tidak sempurna, namun masih boleh difahami oleh pendengar, manakala bahasa yang betul yang tiada lagi kesalahan tatabahasa telah dikuasai oleh segelintir masyarakat. Walau bagaimanapun, bahasa yang indah yang mempunyai nilai estetikanya tinggi, sebutan luar biasa, ayat tersusun, gambaran simile, metafora, menyusun buah fikiran melalui pantun, puisi dan sebagainya, masih belum dapat dicapai oleh kebanyakan masyarakat. Begitu juga dengan dapatan kajian Siti Nor Azhani Mohd Tohar et al. (2017) yang menunjukkan bahawa senario masa kini tahap pemartabatan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar IPT boleh diukur daripada tiga aspek, iaitu i) kefasihan, ii) pengiktirafan, dan iii) kecanggihan berbahasa. Kefasihan bersandarkan kepada kebolehan seseorang membaca dan mengarang dalam bahasa Melayu. Pengiktirafan merujuk sikap penutur terhadap bahasa Melayu dan kecanggihan bahasa pula merupakan ukuran kepada pemartabatan bahasa yang tinggi yang dinilai melalui keindahan nilai estetika dalam penggunaan bahasa. Hasil penganalisan Siti Nor Azhani Mohd Tohar et al. (2017) mendapati bahawa tahap kefasihan dan pengiktirafan mahasiswa IPT adalah tinggi. Namun, mahasiswa IPT tidak sepenuhnya mempunyai kemahiran untuk berbahasa dengan canggih. Mahasiswa IPT didapati belum sepenuhnya menguasai kemahiran bersajak, berpantun dan menggunakan peribahasa sebagai tanda aras

Hasil penelitian kajian sebelum ini, didapati mahasiswa hanya memenuhi sebahagian daripada kebolehan berbahasa Melayu iaitu dari aspek tatabahasa namun pelajar masih belum mampu untuk menggunakan bahasa Melayu tinggi iaitu bahasa yang menekankan dua aspek, iaitu peraturan bahasa dan peraturan tatabudaya (Abdullah Hassan, 2020). Aspek peraturan bahasa meliputi sebutan, ejaan, perkataan, ayat dan kerapian makna. Aspek peraturan tatabudaya pula merangkumi penggunaan kata ganti nama, sistem gelaran dan panggilan yang bersesuaian dengan taraf sosial orang yang berkomunikasi serta pemilihan kata sesuai dengan konteks. Dengan demikian, mahasiswa bukan sahaja perlu menekankan kemahiran bahasa tetapi juga menambah nilai estetika keindahan berbahasa yang dapat memperlihatkan bahawa bahasa ini memiliki ketinggian martabatnya yang tersendiri. Mahasiswa seharusnya berupaya menggunakan bahasa Melayu yang bukan sahaja baik dari segi tatabahasanya malah mampu menggunakan bahasa dalam konteks budaya khususnya penggunaan kata ganti nama, kata panggilan dan rujukan hormat dalam persekitaran perhubungan mereka di kampus. Oleh itu kajian ini akan menjelaskan tahap penguasaan berbahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dari aspek pengetahuan mereka menggunakan bahasa berbudaya dalam konteks komunikasi di kampus. Implikasi kajian ini dapat dikaitkan dengan kesantunan berbahasa dalam kalangan mahasiswa yang memberi gambaran kecekapan berkomunikasi dalam kalangan mahasiswa berbahasa Melayu.

2. Kajian tatabudaya dalam berbahasa

Tata bermaksud aturan atau peraturan, susunan; cara susunan; sistem (Kamus Dewan, 2005). Justeru tatabudaya boleh membawa maksud sistem atau peraturan budaya dan dalam konteks ini, peraturan budaya dalam berbahasa. Setiap budaya yang diamalkan dalam sesuatu masyarakat sama ada budaya makan, berpakaian dan budaya kerja ada sistem, peraturan dan amalan yang lazim dipatuhi. Begitu juga dalam berbahasa, ada sistem dan peraturan yang perlu dipatuhi dalam pemakaian kata ganti nama, kata panggilan dan rujukan yang sesuai kepada pihak lain. Pematuhan dan penyesuaian kepada sistem

ini dapat mewujudkan suasana komunikasi menjadi berkesan yang berupaya mewujudkan suasana aman dan harmoni dalam kalangan pembicara dan mempamerkan sifat mulia pembicara yang santun berbahasa.

Kajian tatabudaya berbahasa sering kali dikaitkan dengan aspek kecekapan berbahasa dan menjadi kayu ukur kepada aspek kesantunan berbahasa. Dari perspektif linguistik, kajian tatabudaya dari aspek strategi sapaan oleh golongan pelajar di institusi pengajian tinggi di Malaysia, telah dilakukan oleh Marlyna Maros et al (2010). Kajian ini bergerak dari pemerhatian rawak penyelidik tentang perlakuan sapaan oleh golongan ini yang menimbulkan persoalan terhadap kecekapan berkomunikasi mereka. Kajian ini melihat pola sapaan berdasarkan konteks, tahap formaliti, dan hubungan antara peserta tutur. Makalah ini membincangkan hasil dapatan berdasarkan perbezaan jantina dan menghubungkan faktor jantina ini dengan aspek budaya dan sosiopragmatik berpanduan prinsip sosiopragmatik Leech (1993) dan perbezaan fitur interaksi untuk lelaki dan perempuan oleh Sherzer (1987). Hasil dapatan menunjukkan bahawa jika jarak sosial pelajar adalah dekat, mereka cenderung untuk menggunakan strategi sapaan yang agak kasar. Bagi pelajar yang mempunyai hubungan yang agak rapat, pelajar perempuan lebih selesa menggunakan nama untuk menyapa manakala lelaki pada kebiasaannya hanya sekadar mengangguk kepala atau menyebut “hai”.

Kajian-kajian mengenai pengamalan dan penilaian aspek tatabudaya pelajar/mahasiswa juga sering dikaitkan dengan aspek kesopanan berbahasa. Dua kajian lepas yang mewakili kajian pelajar/mahasiswa dan kesopanan ialah kajian Noor Fadilah Dawi dan Asiah Abas (2020) Kajian ini memberikan tumpuan terhadap kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS) berdasarkan tafsiran peserta (*first-order politeness*) sebagai elemen penting yang menentukan definisi kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar. Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan soal selidik terhadap 204 orang pelajar untuk mendapatkan maklumat berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mengamalkan kesantunan dalam kehidupan seharian sebagai seorang pelajar universiti. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar dapat memberikan definisi kesantunan secara universal walaupun terdapat perbezaan definisi kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar disebabkan oleh faktor yang mempengaruhi pemahaman dan amalan mereka tentang kesantunan berbahasa. Ahmad Fuad Mat Hassan et al. (2020) pula membuat kajian kesantunan berbahasa yang diamalkan dalam konteks komunikasi formal dan tidak formal ke atas mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM). Hasil kajian mendapati bahawa “lebih daripada 90% pelajar mengamalkan kesantunan berbahasa dalam konteks formal dan tidak formal”. Dalam konteks tidak formal atau semi formal, pelajar tetap mengamalkan kesantunan berbahasa walaupun hanya segelintir pelajar sahaja, iaitu “6.8% (85 orang) yang kurang mengamalkan kesantunan berbahasa dalam komunikasi”. Hakikatnya, amalan kesantunan berbahasa dalam komunikasi sesama pelajar UUM telah berupaya memberikan kesan yang positif kepada mereka dalam suasana kehidupan di kampus sama ada dalam konteks formal mahu pun tidak formal. Oleh hal yang demikian, amalan kesantunan berbahasa ketika berkomunikasi perlulah dijadikan norma budaya dalam pertuturan sama ada dari pihak penutur mahu pun pendengar.

Kajian-kajian mengenai pemartabatan bahasa Melayu juga telah dilakukan dalam kalangan sarjana sama ada terhadap pelajar atau pekerja. Kajian Siti Nor Azhani Mohd Tohar et al.(2017) yang mengaitkan aspek bahasa berbudaya dengan tahap pemartabatan bahasa Melayu di IPT, merumuskan bahawa pemartabatan bahasa kebangsaan yang telah melalui hampir enam dekad penggubalan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di dalam Perlembagaan Persekutuan, masih belum mencapai tahap pemartabatan bahasa yang bukan hanya sekadar fasih dipertuturkan serta mengiktiraf bahasa ini sebagai bahasa kebangsaan, namun penuturnya perlu mampu memiliki estetika keindahan berbahasa yang dapat memperlihatkan bahawa bahasa ini telah mencapai status pemartabatan yang tinggi..Generasi kini dikatakan mulai hilang kemahiran untuk berbahasa seperti mana keindahan bahasa yang pernah diungkapkan oleh kebanyakan rakyat jelata suatu ketika dahulu dari ungkapan harian, penceritaan kanak-kanak, majlis-majlis perkahwinan yang menggunakan pantun seloka sehingga menjadi bahasa istana yang dipertuturkan dengan penuh kesopanan dan kesenian.

Kajian penggunaan bahasa Melayu dalam pengurusan dan pentadbiran di UKM telah ada dilakukan oleh Fariza Md. Sham et al. (2018). Kajian yang menggunakan reka bentuk tinjauan ini telah menggunakan soal selidik dan temu bual berstruktur sebagai instrumen kajian. Responden terdiri daripada 562 orang kakitangan UKM yang menjalankan tugas pengurusan dan pentadbiran di UKM. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden dan informan menyokong penggunaan bahasa Melayu dalam pengurusan dan pentadbiran. Manakala hampir sebahagian besar responden dan informan bersetuju penggunaan dwibahasa dalam program di UKM pada peringkat antarabangsa. Daripada aspek penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi di UKM pula, kajian mendapati penggunaan bahasa Melayu yang tertinggi adalah bagi urusan borang. Manakala kategori yang paling tidak menggunakan bahasa Melayu adalah dalam komunikasi lisan dengan pelanggan luar.

Kajian Noor Azmira Mohamed dan Nor Azlili Hassan (2019), bertujuan membincangkan isu penggunaan BM di institusi pengajian tinggi swasta serta menganalisis faktor kelemahan penggunaan BM dalam kalangan pelajar universiti swasta. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pengukuhan pelajar universiti swasta terhadap bahasa Melayu adalah sederhana. Ini adalah kerana keutamaan pelajar terhadap bahasa Inggeris, kurang kefasihan dalam bahasa Melayu, kurang kerjasama dan usaha dalam kalangan pensyarah dan pihak pengurusan universiti, kurang menitikberatkan maksud perlembagaan dan kurang keyakinan terhadap status bahasa Melayu adalah antara isu-isu penggunaan bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi swasta. Justeru, senario pengukuhan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar universiti swasta ini tidak boleh dipandang ringan dan perlu diperkukuhkan sebelum mengalami ancaman kepupusan kerana bahasa Melayu berpotensi besar dalam pelbagai bidang dan generasi ini mampu mencorakkan kestabilan hubungan sosial dan kelangsungan pemartabatan bahasa Melayu dalam ketamadunan Malaysia.

Usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu telah dilakukan sekian lama. Pelbagai langkah telah digarap untuk meningkatkan martabat bahasa Melayu. Isu pemartabatan bahasa kebangsaan di Malaysia masih berterusan sehingga kini sama ada di peringkat pembuat dasar sehingga masyarakat penuturnya. Kebanyakan kajian menjurus kepada tahap pemartabatan bahasa kebangsaan dari aspek kefasihan dan pengiktirafan. Justeru kajian ini pula sebaliknya berusaha untuk menjelaskan penguasaan dan kemahiran dalam kalangan mahasiswa UKM terhadap aspek tatabudaya berbahasa Melayu yang difokuskan kepada penggunaan kata ganti nama, sistem gelaran dan panggilan yang bersesuaian dengan konteks komunikasi yang berlangsung. Dapatan kajian kemudiannya dikaitkan dengan amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan mahasiswa.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai kaedah mendapatkan data kajian. Menurut Mohd Majid Konting (2000), soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel, serta tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik. Responden bebas menyatakan pendapat sendiri semasa menjawab setiap item yang diberikan. Salah satu kebaikan soalselidik adalah menjamin kerahsiaan dan ini akan dapat mencungkil maklumat yang tepat daripada responden.

Soal selidik dibina dalam bentuk borang *google (google form)* dan diedarkan secara talian kepada wakil-wakil mahasiswa bagi setiap fakulti yang mewakili gugusan Sains (Fakulti Sains dan Teknologi), gugusan sastera (Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Pengajian Islam dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan), gugusan Ikhtisas (Kejuruteraan dan Alam Bina, Fakulti Pendidikan, Fakulti Teknologi Sains Maklumat dan Fakulti Undang-Undang) dan gugusan Kesihatan (Fakulti Farmasi, Fakulti Pergigian, Fakulti Sains Kesihatan dan Fakulti Perubatan). Wakil pelajar bagi setiap gugusan akan mengedarkan pautan soal selidik dalam kumpulan masing-masing secara rawak. Segala maklumat yang diterima ditafsirkan secara kuantitatif. Borang soal selidik mengandungi dua bahagian iaitu bahagian pertama, soalan berkaitan demografi (jantina, umur, kaum, tahun pengajian dan fakulti) dan bahagian kedua, 20 soalan berkaitan pengetahuan dan penguasaan pelajar dalam peraturan

tatabudaya ketika berkomunikasi. Penentuan tahap dalam kajian ini adalah berasaskan Skala Likert lima markat iaitu 1. Sangat Setuju (SS), 2. Setuju (S), 3. Tidak setuju (TS), 4. Sangat Tidak Setuju (STS), dan 5. Tidak Pasti (TP). Pembinaan item soal selidik adalah berdasarkan elemen-elemen tatabudaya yang merujuk kata ganti nama diri dan kata panggilan. Pemilihan dua elemen ini sebagai bahan penelitian adalah berdasarkan gagasan Abdullah Hasan (2020) mengenai peraturan tatabudaya yang menyatakan bahawa “Aspek peraturan tatabudaya merangkumi penggunaan kata ganti nama, sistem gelaran dan panggilan yang bersesuaian dengan taraf sosial orang yang berkomunikasi serta pemilihan kata sesuai dengan konteks” (<https://www.sinarharian.com.my/article/111327/khas/pendapat/martabatkan-bahasa-melayu-tinggi>). Justeru soal selidik kajian ini adalah berfokus kepada penggunaan kata ganti nama diri dan kata panggilan yang sesuai digunakan dalam situasi komunikasi di kampus pengajian.

4. Analisis dan perbincangan

Kajian ini berusaha untuk menjelaskan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa UKM dari aspek penggunaan peraturan tatabudaya berbahasa iaitu penggunaan kata ganti nama diri dan kata panggilan yang sesuai mengikut konteks. Kata ganti nama diri berfungsi sebagai alat komunikatif yang penting dalam sesuatu perbualan dan juga perhubungan. Kata ganti nama diri ialah perujuk dan pengganti diri sama ada merujuk atau menggantikan nama diri penutur atau pendengar. Lazimnya kata ganti nama diri mengenkodkan hubungan yang ditentukan oleh faktor usia, keakraban dan status sosial (Maslida Yusof, 2018). Berdasarkan rujukan ini, maka kata ganti nama diri dikategorikan kepada tiga iaitu, ganti nama diri orang pertama, seperti saya, aku, kami dan kita; kata ganti nama orang kedua, misalnya awak, kamu dan engkau dan kata ganti nama orang ketiga, misalnya ia, dia, beliau dan mereka. Kata panggilan merujuk ungkapan yang digunakan untuk mendapat perhatian dalam komunikasi. Contoh: saudara, encik, puan, tuan, Prof, Dr dan lain-lain. .

Seramai 168 responden yang telah menjawab soal selidik yang telah diedarkan selama 2 bulan dengan taburan responden yang menjawab seperti berikut;

Jadual 1: Taburan responden

Jantina	kaum	Tahun pengajian
Perempuan 127 (75.8%)	Melayu 145 (83.3%)	Tahun 1 49 (29.2%)
Lelaki 41 (24.4%)	Cina 5 (3%)	Tahun 2 54 (32.1%)
	India 9 (5.4%)	Tahun 3 39 (23.2%)
	Lain-lain 9 (5.4%)	Tahun 4 26 (15.5%)

Tahap penguasaan peraturan tatabudaya dalam kalangan mahasiswa UKM

Analisis pada bahagian ini menjawab tujuan kajian iaitu, untuk menjelaskan tahap penguasaan peraturan tatabudaya dalam kalangan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Hasil analisis mendapati tahap pengetahuan dan penguasaan mahasiswa UKM dalam peraturan budaya berbahasa dalam situasi penggunaan kata ganti nama dan kata panggilan adalah tinggi. Dalam konteks kajian ini, penguasaan bermaksud responden sedar bahawa dalam konteks yang diberikan mereka perlu menggunakan kata gantinama diri dan kata panggilan yang sesuai dengan lawan tutur mereka dan atas kesedaran itu mereka juga memiliki kemahiran memilih penggunaan kata ganti nama dan kata panggilan yang betul dan sesuai berdasarkan situasi yang diberikan dalam soal selidik. Jadual 2 menunjukkan respons kepada item 1, 11, 14, dan 16 yang merangkumi aspek penggunaan kata ganti nama dan kata panggilan yang betul dan sesuai dalam situasi di kampus yang diberikan.

Jadual 2: Tahap penguasaan peraturan tatabudaya dalam komunikasi di kampus

No Item	Item	SS (%)	S (%)	TS (%)	STS (%)	TP (%)
1	Saya akan menggunakan kata ganti nama saya apabila bercakap dengan pensyarah saya.	85.7	13.7	-	-	0.6
11	“ Tuan , di Kolej Ibrahim Yaakub, banyak anjing liar, “ adu pelajar kepada pegawai keselamatan UKM.	39.9	39.9	8.3	2.4	9.5
14	Semasa menerima anugerah pelajar cemerlang yang dianjurkan oleh pejabat kedekanan fakulti, saya menggunakan kata gelaran puan dengan staf pentadbiran yang bertugas.	48.8	42.3	0.6	1.2	7.1
16	Setelah selesai berurusan dengan kerani wanita di pejabat akademik, saya terus mengucapkan “Terima kasih puan ”.	57.1	35.7	2.4	0.6	4.2

Jadual 2, menyerlahkan mahasiswa UKM tahu dan sedar bahawa penggunaan kata ganti nama diri pertama ‘saya’ dan kata panggilan ‘tuan’ dan ‘puan’ dalam situasi rasmi kepada orang kedua adalah paling sesuai dan tepat digunakan ketika berinteraksi dengan lawan tutur yang lebih tinggi dari segi jarak sosial dan status daripada penutur (mahasiswa). Asmah Hj. Omar (2009) menjelaskan bahawa, penggunaan kata ganti nama diri berkait rapat dengan konteks yang meliputi taraf sosial, darjah rapat tidaknya hubungan, suasana persekitaran dan judul percakapan pengguna bahasa yang terlibat dalam komunikasi tersebut (Asmah, 2009). Dengan perkataan lain, penggunaan kata ganti nama diri adalah bergantung pada ikatan dan hubungan sosial penutur dengan pendengar. Penggunaan kata ganti nama diri pertama ‘saya’ adalah satu-satunya pilihan yang perlu digunakan oleh mahasiswa ketika bertutur dengan pensyarahnya. Penggunaan kata ganti nama diri pertama ‘saya’ ketika bercakap dengan pensyarah menandakan mahasiswa tahu cara bersantun dalam komunikasi dengan lawan bicara mereka iaitu seorang pensyarah. Menurut Asmah (2009), dalam konteks sociolinguistik, penggunaan kata ganti nama diri berkait rapat dengan konteks yang meliputi taraf sosial, darjah rapat tidaknya hubungan, suasana persekitaran dan judul percakapan pengguna bahasa yang terlibat dalam komunikasi tersebut (Asmah, 2009). Dengan perkataan lain, penggunaan kata ganti nama diri adalah bergantung pada ikatan dan hubungan sosial penutur dengan pendengar. Dalam konteks kajian ini, jelas mahasiswa maklum dan sedar bahawa kata ganti nama pertama ‘saya’ adalah pilihan paling wajar digunakan apabila bercakap dengan pensyarah mereka. Justeru sebanyak 99.4% respons yang bersetuju bahawa kata ganti nama ‘saya’ digunakan apabila bercakap dengan pensyarah.

Penggunaan kata panggilan hormat ‘tuan’ dan ‘puan’ merupakan pilihan yang sesuai dengan konteks situasi ketika berurusan dengan staf pentadbiran atas urusan rasmi. Respons mahasiswa yang tinggi dalam pilihan Sangat setuju dan Setuju bagi penggunaan ‘tuan’ dan ‘puan’ menunjukkan mereka tahu dan sedar bahawa urusan rasmi memerlukan mereka menggunakan kata panggilan yang sesuai dengan situasi rasmi. Kedua-dua gelaran ‘tuan’ dan ‘puan’ merupakan gelaran pergaulan formal (Asmah Hj Omar, 2007: 65). Asmah Hj Omar (2007: 65) menjelaskan bahawa, “Tuan digunakan untuk orang yang lebih berpangkat dalam bidang pentadbiran dan pengurusan. Selain itu, gelaran Puan digunakan untuk wanita yang telah berkahwin dan mempunyai pangkat yang lebih tinggi daripada sendiri. Mahasiswa juga turut bersetuju bahawa penggunaan kata panggilan seperti ‘bang/abang’ dan ‘kak/kakak’ kepada staf pentadbiran dalam urusan tugas rasmi adalah tidak wajar dan tidak sesuai.

Hal ini ditunjukkan dalam item 10 iaitu sebanyak 57.7% responden menyatakan Tidak bersetuju menggunakan gelaran kakak/abang sebagai kata panggilan kepada kerani pentadbiran yang bertugas.

No Item	Item	SS (%)	S (%)	TS (%)	STS (%)	TP (%)
10	Penggunaan kata gelaran kakak/abang sesuai digunakan dengan kerani pentadbiran yang bertugas.	2.4	23.2	33.9	23.8	16.7

Pengetahuan dan penguasaan mahasiswa yang baik juga terhadap peraturan tatabudaya berkomunikasi dalam aspek kata ganti nama dan kata panggilan dapat dibuktikan juga apabila responden memberikan respons yang tinggi bagi pilihan Sangat tidak bersetuju/Tidak bersetuju bagi soalan penggunaan kata ganti nama yang tidak sesuai dalam situasi yang diberikan. Item soal selidik 2,3,4,5, 7, 17, 19 dan 20 adalah berkenaan situasi bercakap dengan lawan bicara yang status dan jarak sosial yang jauh dan dalam situasi rasmi dengan menggunakan kata ganti nama diri 'aku', 'awak', 'i', 'you', 'kamu', 'dia', dan 'kita orang' yang diberikan dalam soal selidik.

Jadual 3: Penggunaan kata ganti nama diri dalam situasi formal

No Item	Item	SS (%)	S (%)	TS (%)	STS (%)	TP (%)
2	Semasa saya berurusan di kolej kediaman, saya menggunakan kata ganti nama aku apabila bercakap dengan pegawai yang bertugas.	-	-	20.8	78.6	0.6
3	"Bolehkah awak tunjukkan di mana lokasi koleksi Asia Tenggara?" kata pelajar kepada pustakawan yang sedang bertugas.	11.9	20.8	32.1	28	7.1
4	" Aku hendak mendaftar kursus baru mengikut senarai yang telah dimaklumkan oleh fakulti pagi tadi", kata pelajar kepada pegawai di pejabat kedekanan fakulti.	0.6	0.6	11.9	86.9	
5	Saya selesai menggunakan kata ganti nama I dan You apabila berbincang dengan pensyarah saya mengenai tugas di bilik pensyarah.	1.2	5.4	29.2	57.1	7.1
7	Saya melihat pensyarah saya sedang keluar dari keretanya dan saya menegur pensyarah saya, " kamu apa khabar?"		1.8	16.1	81.5	0.6
17	"Prof Ali tak masuk kelas hari ini, dia ke mana ya?", tanya pelajar kepada staf pentadbiran di pejabat am mengenai kehadiran pensyarahnya	3.6	14.3	42.3	23.8	16.1
19	"Maaf Prof, kitorang tak dapat hadir kuliah", kata pelajar kepada Profesornya.	4.8	11.9	33.3	28	22

Keputusan yang dipaparkan dalam jadual 3 mempamerkan bahawa mahasiswa UKM berupaya membuat pilihan dalam menggunakan kata ganti nama diri yang sesuai dalam situasi komunikasi yang diberikan. Mereka mempunyai pengetahuan dan kecekapan bahawa kata ganti nama diri pertama 'aku',

‘i’ dan ‘kitorang’, ganti nama diri kedua ‘you’ dan ‘kamu’ dan kata ganti nama diri ketiga ‘dia’ adalah kata ganti nama yang tidak sesuai dan tidak wajar digunakan ketika bercakap dengan mereka yang lebih tinggi jarak status dan jarak sosialnya daripada penutur, yang berurusan dengan kakitangan yang tidak dikenali dan dalam situasi rasmi dengan kakitangan pejabat. Seorang pelajar yang menggunakan kata ganti nama pertama ‘aku’ kepada pensyarah dan juga kepada staf pentadbiran dalam situasi formal jelas melanggar peraturan tatabudaya dan tatasusila berbahasa. Kata ganti nama diri ‘aku’ adalah kata ganti nama bentuk kasar (Nik Safiah, 2012) yang lazimnya digunakan dalam situasi tidak formal. Kata ganti nama ‘aku’ hanya sesuai dituturkan ketika berbual dengan rakan akrab yang menandakan kemesraan dan keamatan ikatan antara mereka. Dalam konteks kajian ini juga, jelas mahasiswa faham bahawa kata ganti nama Inggeris ‘i’ dan ‘you’ tidak sesuai diujarkan dalam percakapan mereka dengan pensyarah. Walaupun kedua-dua kata ganti nama Inggeris ini kerap didengar dan digunakan dalam percakapan harian namun dalam kajian ini, mahasiswa mengetahui konteks yang betul dalam penggunaan kata ganti nama diri. Hal ini ditunjukkan melalui majoriti respons sebanyak 86.3% menyatakan mereka tidak bersetuju menggunakan kata ganti nama ‘i’ dan ‘you’ apabila berbincang dengan pensyarah mereka.

Penggunaan kata ganti nama diri kedua ‘awak’ dan ‘kamu’ dan memberi rujukan ‘dia’ kepada mereka yang mempunyai jarak sosial dan jarak status yang jauh dengan pelajar adalah juga tidak sesuai. Hal ini demikian kerana, kata ganti nama ‘awak’, ‘kamu’ dan kata ganti nama diri ‘dia’ lebih sesuai digunakan kepada mereka yang rapat hubungannya dengan penutur dan juga digunakan untuk orang yang umum seperti orang biasa dan rakan tetapi tidak sesuai digunakan kepada seorang individu yang dihormati seperti pensyarah. Namun realitinya, kebanyakan mahasiswa tahu ketidaksesuaian penggunaan kata ganti nama diri kedua ‘awak’, ‘kamu’ dan rujukan ganti nama ketiga ‘dia’ untuk ditujukan kepada seorang pensyarah dan juga kakitangan pejabat. Pengetahuan dan kemahiran menyesuaikan penggunaan kata ganti nama diri dan kata panggilan dalam kalangan mahasiswa juga ditunjukkan melalui 61.3% respons responden kajian ini yang tidak bersetuju penggunaan kata diri ‘kitorang’ (item 19). Penggunaan kata ganti nama diri ‘kitorang’ yang merujuk kepada ganti nama diri ‘kami’, dilihat semakin lazim diujarkan dan meluas penggunaannya dalam pertuturan harian. Namun dalam situasi formal, penggunaan kata ganti nama diri ini perlu dielak kerana bentuk ganti nama diri ini menyalahi peraturan tatabahasa Melayu. Dalam situasi ini, responden yang terdiri daripada mahasiswa UKM mempunyai pengetahuan dan ketrampilan berbahasa yang baik dalam menentukan bentuk ganti nama diri yang betul dan sesuai digunakan dalam percakapan dengan pensyarah. Mereka menyedari bahawa penggunaan kata ganti nama diri ‘kitorang’ adalah sesuatu yang tidak patut digunakan dalam interaksi mereka bersama pensyarah.

Mahasiswa mempunyai pengetahuan dan kecekapan tatabudaya berbahasa yang baik dalam pemilihan kata ganti nama diri mengikut konteks dalam komunikasi. Pengetahuan dan kecekapan tatabudaya berbahasa ini memandu mahasiswa untuk menjadi santun dalam berbahasa khususnya dalam komunikasi formal dan ketika berbicara dengan individu yang mempunyai status yang lebih tinggi daripada mereka. Peraturan tatabudaya ini yang dilabelkan sebagai peraturan sosiolinguistik oleh Asmah Hj Omar (2002) inilah yang mengawal ketertiban sosial individu yang berinteraksi antara satu sama lain, sama ada secara bersemuka seperti dalam perbualan atau dialog, mahupun interaksi secara tidak setara, iaitu komunikasi antara penutur dengan pendengar. Kajian ini memperlihatkan bahawa, majoriti responden mengetahui peraturan tatabudaya dalam komunikasi. Pengetahuan ini membolehkan responden memiliki kecekapan yang baik dalam menggunakan kata ganti nama dan kata panggilan yang bersesuaian dengan taraf sosial orang yang berkomunikasi serta pemilihan kata sesuai dengan konteks. Walau bagaimanapun, perlu juga diberi perhatian bahawa ada sebilangan responden yang masih belum memiliki kemahiran dan kecekapan dalam tatabudaya berbahasa sepenuhnya. Misalnya, responden menyatakan Setuju atau Sangat Setuju dengan penggunaan kata ganti nama diri ‘awak’ dalam item soal selidik 3 dan panggilan ‘kak/bang’ sebagai respons item soalan 6, sedangkan penggunaan kata ganti nama dan kata panggilan ini adalah tidak sesuai dengan situasi yang diberikan.

Item 3

“Bolehkah **awak** tunjukkan di mana lokasi koleksi Asia Tenggara?” kata pelajar kepada pustakawan yang sedang bertugas.

Penggunaan kata ganti nama kedua ‘awak’ kepada pegawai bertugas adalah tidak wajar dan sesuai. Dalam situasi ini, seharusnya menggunakan kata ganti nama ‘tuan’ atau ‘encik’. Namun masih lagi ada responden yang menyatakan Setuju (20.8%) dan Sangat Setuju (11.9%) ganti nama diri ‘awak’ digunakan dalam situasi yang diberikan. Begitu juga dengan respons terhadap panggilan ‘kak/bang/kakak/abang’ kepada staf pentadbiran pejabat sebagaimana dalam situasi 6 dan 10 berikut;

Jadual 4: Respons terhadap panggilan ‘kak/bang’ kepada staf pentadbiran

No Item	Item	SS (%)	S (%)	TS (%)	STS (%)	TP (%)
6	Di pejabat kedekanan, saya memanggil staf yang berusia dengan kak/bang .	6.5	17.9	31.5	32.7	11.3
10	Penggunaan kata gelaran kakak/abang sesuai digunakan dengan kerani pentadbiran yang bertugas.	2.4	23.2	33.9	23.8	16.7
	Jumlah	8.9	41.1	65.4	56.5	28

Jadual 4 menunjukkan masih ada responden yang membenarkan panggilan ‘kak/bang/kakak/abang’ digunakan dalam komunikasi atas urusan rasmi. Bilangan 50% (Setuju dan Sangat setuju) responden yang bersetuju dengan panggilan ‘kak/bang’ menandakan separuh daripada responden yang tidak tahu bentuk ganti nama diri dan juga kata panggilan yang patut dan sesuai digunakan dalam perbualan rasmi dan ketika bercakap dengan lawan bicara yang mempunyai jarak sosial dan jarak status yang jauh daripada mahasiswa. Senario ini memberikan gambaran bahawa ada kalangan mahasiswa UKM yang masih belum menguasai peraturan tatabudaya berbahasa yang perlu digunakan mengikut situasi yang sesuai. Ganti nama diri kedua ‘awak’ kepada staf perpustakaan dan panggilan ‘kak/bang’ dalam urusan rasmi merupakan panggilan yang tidak harus digunakan kerana panggilan ini telah melanggar peraturan berbudaya dalam bahasa. Kata ganti nama kedua ‘awak’ hanya digunakan dalam situasi tidak rasmi ketika berbicara dengan rakan-rakan sebaya. Ganti nama yang sesuai ialah ‘encik’ atau ‘tuan’ bagi menunjukkan rasa hormat dan santun. Sungguhpun panggilan ‘kak/bang/kakak/abang’ adalah panggilan hormat kepada mereka yang berusia daripada penyapa tetapi panggilan ini sesuai digunakan dalam situasi tidak rasmi yang perlu diganti dengan panggilan ‘tuan/encik/puan’ kerana panggilan ini adalah panggilan hormat dalam urusan rasmi. Menurut Abdullah Hassan (2005), antara jenis kesalahan tatabahasa sosial yang sering dilakukan dan perlu dielakkan adalah seperti yang berikut;

- (i) menggunakan ganti nama yang merendahkan, seperti menggunakan ganti nama ‘kamu’ kepada orang yang lebih tinggi tarafnya;
- (ii) menggunakan panggilan mesra sebagai panggilan hormat, seperti menggunakan bentuk panggilan keluarga, iaitu makcik, pakcik, kakak dalam suasana rasmi;
- (iii) menggunakan panggilan intim seperti abang, adik kepada orang yang bukan intim sebagai panggilan hormat;
- (iv) menggunakan gelaran sendaan seperti ‘Bos’ sebagai panggilan hormat;
- (v) menggunakan panggilan hormat seperti ‘Sir’ dan ‘Mem’ kepada orang Inggeris tetapi tidak pula menggunakan ‘Tuan’ dan ‘Puan’ apabila memanggil orang Melayu;
- (vi) menggunakan bahasa rendah (percampuran kod) seperti yu-ol, dei-ol, ai, yu,wi-ol, diorang dalam majlis rasmi;
- (vii) menyebut nama batang tubuh orang bertaraf tinggi.

Rumusannya, kajian ini telah memperlihatkan bahawa walaupun majoriti mahasiswa memahami, berpengetahuan dan cekap dalam pemilihan dan penggunaan peraturan bahasa berbudaya, namun kajian ini juga dapat mengesan ada segelintir mahasiswa yang belum cekap atau ambil mudah dalam pemilihan bentuk ganti nama dan kata panggilan yang sesuai mengikut konteks ujaran. Aspek kata ganti nama dan kata panggilan tidak diperoleh dan dikuasai secara semula jadi sebagaimana pemerolehan bahasa pertama. Pemerolehan dan penguasaan peraturan tatabudaya perlu dipelajari secara formal. Justeru pihak universiti dicadangkan untuk menawarkan kursus-kursus kesantunan berbahasa atau keterampilan berbahasa sebagai satu kursus berbahasa agar mahasiswa UKM dapat mempelajari aspek ini secara formal dan selanjutnya menguasai serta mengamalkan pengetahuan ini dalam perbualan mereka khususnya melibatkan perbualan dalam urusan rasmi. Kajian lanjut wajar juga dilakukan agar dapatan lebih menyeluruh yang dapat meliputi analisis perbezaan gender, perbezaan tahun pengajian dan perbezaan fakulti dalam memperlihatkan penguasaan dan kemahiran menggunakan aspek tatabudaya dalam berkomunikasi.

5. Kesimpulan

Hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa mahasiswa UKM mempunyai pengetahuan, berkemahiran dan menguasai peraturan tatabudaya berbahasa Melayu. Pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan peraturan tatabudaya berbahasa Melayu khususnya dalam aspek kata ganti nama diri dan kata panggilan merupakan asas penting sebagai tanda hormat dan bersantun kepada pihak lawan bicara. Mahasiswa bukan sahaja perlu menguasai peraturan linguistik bahasa Melayu tetapi juga menguasai peraturan tatabudaya Bahasa Melayu. Penguasaan mahasiswa dari aspek kemahiran dan tatabudaya dapat meningkatkan dan mengukuhkan ketrampilan berbahasa dan jati diri bangsa Malaysia. Hasil kajian jelas memperlihatkan mahasiswa UKM ada pengetahuan, berkemahiran dan menguasai pemilihan dan penggunaan aspek kata ganti nama diri, kata panggilan dan rujukan hormat yang harus diberikan kepada individu yang dirujuk mengikut situasi yang sesuai.

Kajian ini merupakan analisis awal mengenai penguasaan dan kemahiran mahasiswa dalam menggunakan peraturan tatabudaya berbahasa. Kajian lanjut wajar dilakukan agar dapatan lebih menyeluruh yang dapat meliputi analisis perbezaan gender, perbezaan tahun pengajian dan perbezaan fakulti yang dapat memperlihatkan penguasaan dan kemahiran menggunakan aspek tatabudaya dalam berkomunikasi. Dalam kajian ini juga pengetahuan, kemahiran dan penguasaan peraturan tatabudaya ini hanya diukur melalui soal selidik, justeru kajian lanjut dengan menggunakan pelbagai kaedah yang lain harus dilakukan dalam menelusuri penghayatan dan pengamalan sebenar mahasiswa tatabudaya berbahasa dalam komunikasi. Secara teori, kelihatan mahasiswa tahu bila, di mana dan dengan siapa sesuatu bentuk ganti nama dan kata panggilan yang betul dan sesuai harus digunakan tetapi hakikatnya, sejauh mana sebenarnya ungkapan bertatasusila ini diamalkan oleh mahasiswa kita? Realitinya, mahasiswa bukan sahaja perlu tahu peraturan tatabahasa Melayu tetapi menguasai peraturan tatabudaya berbahasa adalah juga penting bagi menjamin keharmonian penutur dengan pendengar ketika berkomunikasi dan yang lebih penting mahasiswa menonjolkan sisi santun mereka dalam berbahasa.

Penghargaan

Kajian ini telah dibiayai oleh dana penyelidikan GPK-PBM-2020-027 (Membangunkan Modul Tatabudaya Bahasa Melayu dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia)

Rujukan

- Abdullah Hassan. (2020). Dicapai pada 10 Febuari 2021, daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/111327/KHAS/Pendapat/Martabatkan-bahasa-Melayu-tinggi>.
- Abdullah Hassan. (2005). *Rencana Linguistik*. Ulang cetak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Fuad Mat Hassan, Khairul Faiz Alimi, Hishamudin Isam Dan Mashetoh Abd Mutalib. (2020). Amalan Kesantunan berbahasa dalam komunikasi formal dan tidak formal dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 36(4): 410-427
- Asmah Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir* (Edisi Kelima). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2007). *Kesantunan bahasa dalam pengurusan pentadbiran dan media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2010. Kursus Bahasa Melayu Wajib kepada pelajar Asing: Mengharap Susulan Konkrit. Dicapai pada 10 Febuari 2021, daripada <http://kembarabahasa.blogspot.my>.
- Awang Sariyan (2019). Dicapai pada 10 Febuari 2021, daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/57471/BERITA/Nasional/Martabatkan-Bahasa-Melayu-di-universiti-Awang-Sariyan>
- Fariza Md. Sham, Rohana Tan, Mohd Najib Adun, Azmah Ishak, Hamidah Erman, Rohazaini Hasan, Siti Noraida Sood & Harun Bintang. (2018). Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pengurusan dan Pentadbiran di Universiti Kebangsaan Malaysia. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 18(1): 176-196.
- Marlyna Maros, Aslinda John & Mohd Baharim Mydin. (2010). Pola Sapaan Pelajar Lelaki Dan Perempuan Di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi: Satu Kajian Sosiopragmatik. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. 10(2):77- 96.
- Maslida Yusof. 2018. Trend Ganti Nama Diri Bahasa Melayu dalam Konteks Media Sosial. *Jurnal Komunikasi (Malaysian Journal of Communication)*. 34(2): 36-50
- Mat Zaini Abdullah & Rafisah Osman. (2015). Kesan Pengantaraan Pengalaman Psikologi Bagi Hubungan Pelbagai Kemahiran Dalam Tugas Pengajaran Dengan Motivasi Kerja Guru. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*. 12: 205-233.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Azmira Mohamed & Nor Azlili Hassan (2019). Pengukuhan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4 (4):19 - 28.
- Pelan Tindakan Hala-Tuju-Pendidikan-Bahasa-Melayu-2016-2025.
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Adlina Ab Halim & Ku Hasnita Ku Samsu. 2017. Pengukuran Tahap Pemartabatan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(2), 105-122.

Rujukan dalam talian

- <https://www.sinarharian.com.my/article/57471/BERITA/Nasional/Martabatkan-Bahasa-Melayu-di-universiti-Awang-Sariyan>. [20 September 2022]
- <https://www.sinarharian.com.my/article/111327/khas/pendapat/martabatkan-bahasa-melayu-tinggi>. [22 September 2022]

Biodata Penulis

Maslida Yusof (PhD), ialah Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM.

Karim Harun (PhD), ialah Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM.

Muhammad Azlan Mis (PhD), ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, UKM.

Sharifah Raihan Syed Jaafar (PhD), ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, UKM.

Rusmadi Baharuddin (PhD), Ketua Bahagian perkamusan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)